



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KERAJAAN TERUS SOKONG DAN BANTU OKU HADAPI FASA ENDEMIK COVID-19

KUALA LUMPUR, 3 Disember – YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah merasmikan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 pada Malam Kasih OKU Keluarga Malaysia, anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Selaras dengan keprihatinan Kerajaan terhadap rakyat terutamanya golongan OKU yang terkesan akibat pandemik selama tempoh hampir dua tahun, **Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik COVID-19** diangkat sebagai tema sambutan Hari OKU pada tahun ini. Menyedari situasi negara dan dunia pada masa kini, Kerajaan menyeru semua OKU bersiap siaga untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan ke arah fasa endemik COVID-19.

“Kerajaan juga akan sentiasa membantu dan menyokong agar OKU terus kental, berdaya tahan dan bersifat lentur bagi menyesuaikan diri dengan cara hidup norma baharu. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, lebih banyak peluang ekonomi disediakan kepada OKU melalui pelbagai platform termasuk ekonomi perkongsian dan ekonomi digital. Selain itu juga, dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU, akan dijadikan petunjuk prestasi bagi semua kementerian dan perlu dicapai pada penghujung tahun 2022”, ujar YAB Perdana Menteri, Dato’ Sri Ismail Sabri semasa memberi ucapan perasmian pada Majlis Malam Kasih OKU Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pada majlis tersebut, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan **Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU** kepada **Encik Gustin anak Jenang dan Puan Evylen anak Gelagar**, pasangan ibu bapa kepada atlet paralimpik Encik Bonnie Bunyau anak Gustin yang telah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa dengan memperoleh emas dalam acara angkat berat pada temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Sebanyak lima majikan terpilih untuk menerima **Anugerah Majikan Prihatin (Swasta)** iaitu **QSR Brands (Malaysia) Holdings Bhd, Lotuss Stores (Malaysia) Sdn. Bhd, Perusahaan Saudee Sdn. Bhd, Extramil Export Industry Sdn. Bhd. / Fajar Export Industry Sdn. Bhd dan The Famous Amos Chocolate Chip Cookie Corp (M) Sdn. Bhd.** Pengiktirafan ini merupakan penghargaan dalam memberikan sokongan padu majikan untuk menggajikan OKU melalui perkhidmatan *Job Coach* yang disediakan oleh JKM.

Anugerah Korporat Prihatin juga diberikan bagi mengiktiraf dan menghargai pihak korporat yang telah memberi sumbangan berbentuk dana, latihan dan program kepada OKU dalam pembangunan OKU di Malaysia. Lima penerima Anugerah Korporat Prihatin ialah **Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Yayasan Sime Darby, Yayasan Gamuda dan Food Aid Foundation.**

Anugerah Pencapaian Dasar 1% OKU Dalam Perkhidmatan Awam dianugerahkan kepada Agensi Kerajaan yang telah mencapai sekurang-kurangnya 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Bagi anugerah ini, empat Kementerian yang telah terpilih iaitu **KPWKM, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.**

Anugerah Khas Kreatif pula bagi mengiktiraf usaha **Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)** di **Sekolah Kebangsaan Klang** iaitu **Encik Wan Mu'adzam bin Wan Abidin**, berumur **40** tahun, dalam menghasilkan ciptaan alat bantuan mengajar bagi memudahkan anak murid **OKU Penglihatan**, dapat berlari dengan yakin dan bebas.

Bagi menghargai usaha serta pengemblengan idea dan kepakaran, tenaga dan komitmen yang ditunjukkan oleh pertubuhan, petugas, ibu bapa dan komuniti dari segi pengurusan dan pentadbiran, pemulihan, pembelajaran, latihan dan penempatan pekerjaan pelatih di **Pusat Dalam Komuniti (PDK)**, **Anugerah PDK Cemerlang** turut disampaikan pada tiga PDK yang terpilih iaitu **PPDK Seri Malindo, PPDK Miri dan PPDK Wakaf Tapai**.

Pada tahun ini, **Anugerah Khas Paralimpik** juga telah diperkenalkan buat julung kali dan seramai lima atlet Paralimpik telah diiktiraf kerana memenangi pingat emas dan perak di **Kejohanan Sukan Paralimpik Tokyo 2020**. Tiga atlet pemenang pingat emas ialah **Encik Bonnie Bunyau anak Gustin, Encik Cheah Liek Hou, Encik Abdul Latif bin Romly** manakala pemenang pingat perak ialah **Encik Jong Yee Khie dan Encik Chew Wei Lun**.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dalam ucapan aluannya telah memaklumkan sehingga **30 November 2021**, terdapat seramai **587, 608 OKU** telah berdaftar di bawah **JKM**. Bagi menarik lebih ramai lagi OKU untuk mendaftar, **KPWKM** melalui **JKM** telah memperkenalkan **inisiatif MyDaftar OKU** untuk menambahbaik sistem pendaftaran sedia ada.

Sistem ini akan memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada OKU dalam urusan pendaftaran selari dengan Teras Strategik 8: Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menggariskan tentang keperluan

mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif bagi meningkatkan pendaftaran OKU.

Selamat Menyambut Hari Orang Kurang Upaya Tahun 2021 kepada semua OKU.

###

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat

No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, PUTRAJAYA

3 Disember 2021